SASBADI

**TEPAT & TERKINI**

Tingkatan 1 KSSM

# KERTAS PERSEDIAAN UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

Berdasarkan

# JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)

## Bahasa Melayu (02)




- 1 Set Ujian Awal Tahun
- 1 Set Ujian Pertengahan Sesi Akademik
- 3 Set Ujian Akhir Sesi Akademik + JSU

CamScanner
LIVEWORKSHEETS

SET 3

MODEL

# UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

## Tingkatan 1

## Bahasa Melayu (02/1)

**1 jam 30 minit**

| | |
|---|---|
| **Nama** | |
| **No. Kad Pengenalan** | |
| **Kelas** | |

**ARAHAN:**

1. *Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.*
2. *Tulis nama, nombor kad pengenalan, dan nama kelas anda pada ruang yang disediakan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.*
4. *Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.*

| Untuk Kegunaan Pemeriksa | | | |
|---|---|---|---|
| Nama Pemeriksa: | | | |
| Bahagian | Soalan | Markah Penuh | Markah Diperoleh |
| **A** | **1 – 15** | **15** | |
| **B** | **1** | **2** | |
| | **2** | **2** | |
| | **3** | **4** | |
| | **4** | **2** | |
| | **5** | **10** | |
| | **6** | **10** | |
| **C** | **1** | **15** | |
| **Jumlah** | | **60** | |

CamScanner
LIVEWORKSHEETS

**Arahan:** *Jawab* **semua** *soalan dalam setiap bahagian.*

## BAHAGIAN A

[15 *markah*]

**Soalan 1 – 2**

*Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang* **paling sesuai.**

**1** Syazrul mula __________ dalam dunia perniagaan selepas menamatkan pengajiannya dalam bidang Pengurusan Perniagaan.

**A** beria-ia
**B** berkira-kira
**C** berjinak-jinak
**D** berangan-angan

**2** Murid yang datang __________ ke sekolah akan dikenakan tindakan oleh guru disiplin.

**A** lama
**B** lewat
**C** segera
**D** suntuk

**Soalan 3 – 4**

*Pilih ayat-ayat yang menggunakan* **perkataan berhuruf condong** *dengan betulnya.*

**3** I Ranjini *mendukung* beg plastik pada kedua-dua belah tangannya.
II Encik Hasif *mendukung* anaknya untuk menyeberangi jalan raya.
III Keluarga Yue Ming sentiasa *mendukung* cita-citanya untuk menjadi doktor haiwan.
IV Masyarakat perlu *mendukung* usaha kerajaan dalam membanteras jenayah penculikan.

**A** I dan II sahaja
**B** III dan IV sahaja
**C** I, II dan III sahaja
**D** II, III dan IV sahaja

**4** I Kemeriahan Syawal kini hanya *tinggal* kenangan bagi Zahira.
II Baki wang saya *tinggal* RM12 selepas membeli buku rujukan ini.
III Keluarga Puan Jenny *tinggal* selang dua buah rumah dari rumah saya.
IV Nazri *tinggal* jauh di belakang peserta lain ketika menyertai pertandingan lumba lari itu.

**A** I dan II sahaja
**B** III dan IV sahaja
**C** I, II dan III sahaja
**D** II, III dan IV sahaja



LIVEWORKSHEETS

**Soalan 5 – 6**
*Bahagian yang* **bergaris** *dalam ayat-ayat berikut* **mungkin mengandungi kesalahan** *penggunaan bahasa atau* **mungkin juga tidak**.
*Tandakan sama ada* **A**, **B** *atau* **C** *jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan* **D** *jika* **tiada kesalahan**.

**5** Tauke Teo menanam berbagai jenis-jenis baka pokok durian serta pokok rambutan di kebunnya.
**A** berbagai jenis
**B** pelbagai jenis
**C** pelbagai-bagai jenis
**D** berbagai jenis-jenis

**6** Kebanyakan hotel-hotel di kawasan peranginan itu telah dinaik taraf untuk menarik kedatangan pelancong.
**A** Banyak hotel
**B** Hotel-hotel banyak
**C** Banyak hotel-hotel
**D** Kebanyakan hotel-hotel

**Soalan 7 – 8**
*Pilih ayat-ayat yang* **betul**.

**7** I Tubuh datuk semakin kukuh. 坚固
II Baju kurung songket itu sungguh menawan. 吸引
III Ariyana cuba melawan (应付) perasaan gugupnya. 慌张
IV Kita mesti mengurus (处理) kewangan dengan baiknya.
**A** I dan II sahaja
**B** III dan IV sahaja
**C** I, II dan III sahaja
**D** II, III dan IV sahaja

**8** I Jemput simpan pisau itu di dalam laci semula.
II Sila isikan borang pendaftaran ini dengan lengkapnya.
III Minta semua ahli pengakap membersihkan tapak perkhemahan.
IV Jangan buat eksperimen di makmal sains tanpa kebenaran guru.
**A** I dan II sahaja
**B** III dan IV sahaja
**C** I, II dan III sahaja
**D** II, III dan IV sahaja

Kata Perintah
Jemput (请吃)
Sila
Minta
Jangan
Usah
Harap 希望
Tolong

① Tolong jangan buang sampah di sini. (X)
② Jangan buang sampah di sini. (✓)
③ Jangan harap (动词) dia boleh bersikap baik. (✓)

© Sasbadi Sdn. Bhd. 198501006847

CamScanner
LIVEWORKSHEETS

**Soalan 9**
*Pilih ayat yang mempunyai maksud yang* **sama** *atau maksud yang* **paling hampir** *dengan* **ayat yang dicetak tebal**.

**9 Penduduk membantah pihak pemaju membina kilang papan di kawasan perumahan itu.** 反对 发展商

**A** Penduduk membantah pihak pemaju membina perumahan di kawasan kilang papan itu.
**B** Pihak pemaju membantah penduduk membina kilang papan di kawasan perumahan itu.
**C** Pembinaan kilang papan oleh pihak pemaju di kawasan perumahan itu dibantah oleh penduduk.
**D** Pembinaan kilang papan oleh penduduk di kawasan perumahan itu dibantah oleh pihak pemaju.

**Soalan 10**
*Pilih* **peribahasa** *yang paling* **sesuai**.

**10**

| Banyak orang terpesona melihat wajah Rania yang berdarah kacukan Arab-Patani itu. |
|---|

Berdasarkan penyataan di atas, yang manakah bandingan semacam yang paling tepat?
**A** Bulat macam bola
**B** Gebu macam kapas 松软
**C** Cerah macam siang 亮
**D** Cantik macam bidadari



CamScanner
LIVEWORKSHEETS

**Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah ini.**
*Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

**Kita Umpama Sehelai Daun**

kita umpama sehelai daun
bertunas segar di hujung ranting
lalu melebar dan merimbun
tempat bercanda unggas meriang
di bawah redup bebayang mentari

andai kikir jasa dan bakti
di mana lagi *tempat bernaung*
dari tusukan bahang memijar
unggas kecil tidak berkudrat

kita umpama sehelai daun
bakal kering sampai waktunya
usahlah angkuh keupayaan diri
sehingga lupa makhluk *duafa*
ingin bernaung mencari hidup

jadilah sehelai daun
hijau menunas menyegar mata
kering gugur menjadi baja

**SMahadzir**

Dipetik daripada sajak 'Kita Umpama Sehelai Daun',
antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1,
Kementerian Pendidikan Malaysia

**11** Berdasarkan sajak, rangkai kata *tempat bernaung* membawa maksud
**A** ruang berdiam.
**B** sudut bertahan.
**C** tapak bersembunyi.
**D** kawasan berlindung.

**12**

| usahlah angkuh keupayaan diri |
|---|

Bandingan semacam yang sesuai dengan situasi di atas ialah
**A** rajin macam semut.
**B** degil macam keldai.
**C** angkuh macam merak.
**D** berani macam harimau.



LIVEWORKSHEETS CamScanner

13 Antara berikut yang manakah **bukan** bentuk sajak 'Kita Umpama Sehelai Daun'?
- **A** Sajak ini berbentuk terikat
- **B** Sajak ini terdiri daripada empat rangkap
- **C** Rima setiap rangkap sajak ini tidak sama
- **D** Sajak ini terdiri daripada tiga hingga lima baris dalam setiap rangkap

14 Mengapakah manusia diumpamakan seperti sehelai daun oleh pengarang?
- **A** Manusia makhluk yang angkuh dengan keupayaan diri
- **B** Manusia akan meninggal dunia pada akhirnya
- **C** Manusia tidak prihatin terhadap makhluk lain
- **D** Manusia ego untuk mengakui kelemahan diri

15 Yang berikut merupakan penyataan yang benar berdasarkan sajak, **kecuali**
- **A** Kemewahan hidup menjadikan seseorang itu angkuh.
- **B** Manusia diumpamakan seperti ranting pokok yang mudah patah.
- **C** Unggas tiada tempat berlindung jika manusia tidak memberikan jasa dan bakti.
- **D** Makhluk yang lemah bergantung kepada manusia untuk meneruskan kehidupan.



CamScanner
LIVEWORKSHEETS